

# Semua negeri ada kem bina semangat

7 MAY 1991

Y  
Oleh **KHAIDIR AHMAD**

KUCHING, Rabu — Kerajaan Pusat akan membina kem latihan bina semangat di seluruh negara dalam usaha membentuk rakyat yang mempunyai nilai-nilai baik dan dapat menghadapi cabaran untuk memajukan lagi negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Kerajaan Persekutuan bersetuju menyediakan peruntukan bagi pembinaan kem berkenaan.

"Kem ini bertujuan melatih rakyat di seluruh negara kerana kita percaya latihan bina semangat ini boleh menentukan nilai-nilai hidup yang penting untuk membangunkan negara.

"Ini termasuk tahu menghadapi cabaran dengan menggunakan pendekatan untuk mengatasi masalah secara teratur dan baik," katanya sewaktu merasmikan pusat bina semangat Kem Permai di Pantai Damai, 35 kilometer dari sini hari ini.

Beliau juga menggariskan tiga fungsi utama bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia negara maju pada 2020 iaitu mema-

hami bagaimana mengurus diri sendiri, menentukan fungsi dalam masyarakat dan mengambil bahagian dalam proses pembangunan negara.

Menurutnya, ini penting kerana negara tidak akan maju hanya dengan peruntukan wang, tanpa rakyat yang lebih mampu menghadapi cabaran, membina diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara bukan saja memerlukan rakyat yang berpengetahuan tinggi dalam pelbagai bidang, sebaliknya mereka juga perlu pandai menggunakan fikiran untuk memahami serta melaksanakan tanggungjawab secara jujur dan amanah.

Misalnya, kata beliau, jika seseorang itu cekap dalam bidang kewangan tetapi tidak mempunyai nilai yang baik, maka kebolehan dan pengetahuannya itu mungkin digunakan untuk mencuri wang dan bukan untuk mencari wang melalui jalan yang halal.

"Inilah sebabnya ada orang yang diberi amanah untuk mengurus bank dengan wang orang ramai beratus juta ringgit, sanggup mencuri wang itu baru-baru ini," katanya.